



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KOMUNITI RUKUN TETANGGA DAN KLIK e-USAHAWAN MEMBANTU MEMPERKASAKAN EKONOMI SETEMPAT

KUANTAN, 13 Julai 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah **merasmikan Program Pemerksaan Projek Ekonomi Komuniti Rukun Tetangga Negeri Pahang** dan **melancarkan Program Klik e-Usahawan di Perpustakaan Desa** Kampung Panching, Kuantan pada hari ini bersempena dengan lawatan kerja rasmi beliau.

PROGRAM PEMERKASAAN PROJEK EKONOMI KOMUNITI RUKUN TETANGGA (KRT) NEGERI PAHANG

Sempena lawatan kerja rasmi ini, beliau berkesempatan melawat Projek Ekonomi KRT Negeri Pahang dan Pusat Pemprosesan Makanan Kering Jiran Wanita KRT Cenderawasih Timur. **Pemerksaan Projek Ekonomi dan Pembangunan Pertanian Komuniti di peringkat KRT** adalah antara fokus utama Kementerian bagi tahun 2023 selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Setakat ini, direkodkan hanya terdapat lima peratus (5%) KRT sahaja yang sedang melaksanakan projek ekonomi dan pertanian berbanding 7,761 KRT yang aktif di seluruh negara. Kementerian **mensasarkan lebih banyak KRT akan menerokai projek ekonomi dan pertanian** di masa depan kerana ia merupakan aktiviti yang berimpak tinggi yang dapat meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup komuniti setempat. Antara projek ekonomi yang dilaksanakan ialah Kebun Komuniti, Penternakan, Kraftangan, Produk Makanan dan Minuman, Perkhidmatan Katering, Pelancongan dan Rekreasi, *Homestay*, Produk Kesihatan, Jahitan dan Perkhidmatan.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan hasrat agar semua KRT dapat mengorak langkah lebih jauh ke hadapan untuk mendepani pelbagai cabaran bukan sahaja dalam aspek perpaduan, malah mencakupi setiap aspek kualiti hidup masyarakat. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh KRT perlulah **lebih berfokus, berstruktur dan berimpak** kepada kesejahteraan dan kelestarian komuniti. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua KRT atas komitmen, kesungguhan dan pengorbanan sehingga berjaya melaksanakan projek ekonomi dan pertanian di kawasan masing-masing.

PROGRAM KLIK e-USAHAWAN

Program ini merupakan kolaborasi di antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bertujuan untuk **melahirkan usahawan muda dan membantu menggunakan platform media sosial bagi mempromosikan produk-produk keusahawanan.**

Menerusi program ini, **kemudahan tempat latihan akan disediakan kepada golongan muda dan masyarakat setempat** yang berminat menceburi bidang keusahawanan melalui perpustakaan desa yang lebih kondusif dan selesa. PNM sentiasa menyediakan ruang pembelajaran sepanjang hayat melalui pelbagai pendekatan dengan menawarkan perkhidmatan perpustakaan terbaik dan mencapai standard yang ditetapkan agar ianya dapat digunakan secara optimum bagi **membantu meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat tanpa mengira latar belakang suku kaum dalam memastikan semangat perpaduan di kalangan masyarakat dapat dilestarikan.** Program ini akan turut dilaksanakan dan diperluaskan ke-506 buah Perpustakaan Desa di bawah seliaan PNM seluruh negara seiring dengan perkembangan dan penggunaan teknologi digital masa kini.

YB Menteri Perpaduan Negara berkata, Kementerian Perpaduan Negara menerusi Perpustakaan Negara Malaysia akan sentiasa mengorak langkah mengetengahkan **idea-idea baharu yang dapat membantu membangunkan komuniti setempat.** Antara yang sedang dirancang adalah untuk menjadikan Perpustakaan Desa sebagai pusat tuisyen bagi pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Julai 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()